



**HARIS Fadzil Hassan memberikan ucapan dalam Majlis Pengenalan Peniaga-peniaga di laluan MRT Sungai Buloh - Kajang di Pusat Perniagaan Atmosphere Seri Kembangan dekat Kuala Lumpur, semalam.**

## MRT Corp. sasar perolehan tahunan ruang runcit RM2.5j

**KUALA LUMPUR 20 Okt.** - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) menjangkakan sewaan ruang runcit di 19 stesen bertingkat sepanjang laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang bakal dilancarkan 15 Disember ini mampu mencatatkan perolehan tahunan sekitar RM2.5 juta.

Pengarah Perdagangan dan Pengurusan Tanah MRT Corp., Datuk Haris Fadzil Hassan berkata, sewaan tersebut dikutip melalui 15 syarikat yang berjaya memenangi bidaan daripada keseluruhan 49 syarikat yang menghantar 223 permohonan pada April lalu.

"Setiap stesen mempunyai antara satu hingga tiga lot kedai bersaiz kira-kira 200 kaki persegi dengan sewaan bulanan tetap bermula RM1,200 hingga RM3,500 bergantung kepada saiz dan lokasi stesen," katanya dalam majlis pengenalan peruncit bagi laluan stesen SBK dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Pengurus Perdagangan dan Pengurusan Tanah MRT Corp., Mohamad Faizal Yusof.

Menurut Haris Fadzil, selain sewaan ruang runcit, hasil terbesar diperoleh daripada pengiklanan yang membantu sebanyak RM18 juta sekali gus menjadikan

segmen bukan tambang menyumbang kira-kira tujuh peratus kepada pendapatan keseluruhan MRT Corp.

Ujarnya, kaedah pembidaan dijalankan dengan teliti dan tepat bagi memastikan campuran perniagaan di setiap stesen akan menjadi pelengkap antara satu sama lain dan bukannya bersaing sesama sendiri bagi menawarkan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

"Faktor utama dalam pemilihan peruncit adalah jenama yang kukuh termasuk mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman supaya dapat memenuhi kepantasan gaya hidup bandar dan mobiliti di Lembah Klang terutama pada waktu puncak," katanya.

Tambah beliau, menyahut usaha kerajaan dalam melaksanakan agenda bumiputera, MRT Corp. telah berjaya menganugerahkan sebanyak 18 unit atau 44 peratus daripada keseluruhan ruang runcit tersebut kepada usahawan bumiputera.

Jelasnya, MRT Corp. juga akan membuka tender permohonan ruang runcit bagi laluan bawah tanah sepanjang 9.5 kilometer dengan tujuh stesen pada penghujung tahun ini menerusi laman web rasmi syarikat.